



**AKHBAR : KOSMO**  
**TARIKH/HARI : 21 SEPT 2016/RABU**  
**RUANGAN : KOSMO ONLINE- NEGARA**

SUARA KOSMO MELAKSA  
**Kosmo!**

21 September 2016

Laman Utama Negara! Hiburan! Sukan! Dunia! Kosmo2 Arkib Berita

NEGARA

## Tabika Kemas miliki kualiti tinggi

Oleh MUSTAPA LAKAWA



SIPITANG – Taman bimbingan kanak-kanak (tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) memiliki standard dan kualiti yang baik setaraf dengan pusat pendidikan awal kendalian pihak swasta.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, hampir separuh daripada tenaga pengajar di Tabika Kemas juga memiliki kelayakan diploma selain berpengalaman luas.

Justeru, katanya, para ibu bapa diingatkan agar tidak malu menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan awal prasekolah di tabika itu.

"Apa yang berlaku hari ini ialah ramai ibu bapa sanggup menghabiskan wang ringgit semata-mata untuk menghantar anak mereka di tadika swasta.

"Namun, mereka mungkin tidak tahu bahawa pusat pendidikan awal yang dikendalikan oleh Kemas juga mempunyai kualiti jauh lebih baik," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis penutupan program Kemas 4U Semarak Desa di Kampung Ulu Sipitang di sini semalam.

*Ikuti berita selanjutnya di KOSMO! hari ini.*